

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 68

RUANGAN : WANITA

Prosedur sedut lemak boleh ancam nyawa

Kuala Lumpur: Prosedur menyedut lemak atau liposuction hanya mendatangkan risiko dan boleh mengancam nyawa jika tidak dilakukan pakar bertauliah.

Timbalan Ketua Jabatan yang juga Pakar Perunding Kanan Bedah Plastik dan Rekonstruktif Hospital Kuala Lumpur, Dr Mohammad Ali Mat Zain, berkata prosedur berkenaan terbukti selamat dan tidak mendatangkan bahaya, tetapi akan bertukar sebaliknya apabila dikendalikan mereka yang tidak memiliki kepakaran.

"Hanya doktor bertauliah iaitu pakar bedah plastik yang boleh melakukan prosedur ini dan bukan doktor biasa mahu pun pakar pembedahan am atau juga pakar dalam bidang lain.

"Malangnya kerana lebih mengutamakan keinginan untuk cantik ramai yang tidak ambil sikap peduli walaupun rawatan dilakukan oleh doktor biasa.

"Malah, ada yang mendapatkan rawatan ini daripada pakar kecantikan di pusat kecantikan dan kesihatan atau klinik biasa," ka-

tanya yang dihubungi BH.

Mati akibat serangan jantung Media baru-baru ini melaporkan seorang wanita Singapura berusia 35 tahun meninggal dunia beberapa jam selepas menjalani pembedahan menyedut lemak di selatan India.

Mangsa yang mahu mengurangkan lemak daripada 85 kilogram berat badan asalnya dilaporkan mati akibat serangan jantung selain beberapa komplikasi lain.

Dr Mohammad Ali berkata, ada banyak sebab boleh mengakibatkan kematian termasuk kemungkinan pesakit ada penyakit jantung selain tiada pemeriksaan teliti sebelum prosedur dijalankan.

Katanya, pesakit juga mungkin mengalami embolism iaitu keadaan di mana lemak memasuki jantung menyebabkan bahagian jantung tersumbat.

"Sebab itu prosedur ini perlu dilakukan pakar kerana mereka akan tahu batasan dalam melakukan sedutan lemak terutama pada kawasan tertentu yang sen-

sitif dan membabitkan organ.

"Sedutan tidak boleh terlalu jauh ke dalam dan perlu dilakukan berhati-hati supaya tidak menjejaskan organ berkaitan," katanya.

Liposuction membabitkan proses mengeluarkan lemak dalam badan menggunakan kaedah sedutan. Ketika prosedur satu tiub kecil, tajam pada hujung (kanula) dimasukkan menerusi hirisan kecil pada kulit.

Lemak disedut keluar menerusi tiub ini ketika doktor menggerakkan tiub di bahagian bawah kulit yang menyasarkan lemak di tempat khusus untuk dibuang.

Dr Mohammad Ali berkata, faktor usia perlu diambil kira sebelum menjalani prosedur ini terutama jika seseorang mempunyai penyakit bagi mengelak risiko.

"Jika pesakit mempunyai penyakit seperti kencing manis atau darah tinggi prosedur perlu dilakukan di hospital yang ada kemudahan rapi dan lengkap termasuk pakar bagi menghadapi kemungkinan atau sebarang kecemasan.

"Malah jika seseorang sudah ber-



Ada kes pesakit datang mendapatkan rawatan lanjut selepas alami masalah berikutan prosedur dilakukan pihak tanpa tauliah. Malangnya mereka datang pada peringkat terlewat kerana malu dengan kesilapan sendiri selepas prosedur yang dilakukan tidak berjaya"

Dr Mohammad Ali Mat Zain, Timbalan Ketua Jabatan yang juga Pakar Perunding Kanan Bedah Plastik dan Rekonstruktif Hospital Kuala Lumpur

usia dan ada pula penyakit mereka juga tidak boleh melakukan prosedur serentak yang membabitkan banyak bahagian tubuh," katanya.

Beliau berkata, jarang prosedur menyedut lemak babitkan penggunaan bius seluruh badan kecuali dalam kes tertentu dan di bawah kawalan doktor bertauliah.

"Biasanya bius setempat dilakukan untuk memudahkan doktor membuat kawalan pada bahagian terbabit prosedur," katanya.

Kebanyakan doktor berpendapat sedutan lemak bukan bertujuan menjadikan seseorang kurus, sebaliknya hanya membantu membentuk tubuh jadi lebih elok.

Paling membimbangkan masih ramai rakyat di negara ini tidak mengambil berat soal keselamatan diri apabila masih mendapatkan rawatan menyedut lemak di klinik biasa dan pusat kecantikan yang dikendalikan pakar kecantikan.

Dr Mohammad Ali menasihati orang ramai menjalani rawatan ini dengan doktor berlesen selain mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkenaan.